

22 MAR 2002
TRACTORS-PUSAT/I
TRACTORS RANCANG PERBINCANGAN LANJUT DENGAN BMW

KUALA LUMPUR, 22 Mac (Bernama) -- Tractors Malaysia Holdings Bhd merancang untuk mengadakan perbincangan lanjut dengan Bavaria Motor Works (BMW) bagi memahami peranan yang kedua-dua syarikat itu dan BMW akan mainkan di Malaysia dan rantau ini.

"Kami akan membuat pengumuman yang perlu pada masa yang sesuai apabila perbincangan telah berjalan dan diselesaikan," syarikat itu berkata di dalam satu kenyataan kepada Bursa Saham Kuala Lumpur di sini hari ini.

Kenyataan itu dibuat merujuk kepada satu artikel bertajuk "BMW Pilih Malaysia sebagai Pusat Serantau bagi Operasi di Asia" di dalam akhbar New Straits Times hari ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah berkata semalam bahawa pembuat kereta terkenal itu telah mengesahkan yang ia akan memindahkan operasi kawasannya ke Malaysia.

Pusat itu di negara ini akan merupakan salah satu daripada pusat kawasan BMW, yang lain ialah sebuah di Munich dan satu lagi di Amerika Syarikat.

Artikel itu berkata BMW akan menubuhkan operasinya di Cyberjaya dan Pelabuhan Tanjung Pelepas bagi keseluruhan rantau Asia.

Sementara itu, di dalam kenyataan berasingan dari Singapura hari ini, BMW berkata ia akan mengadakan perbincangan dengan rakan kongsi tempatannya di Malaysia dan pihak berkuasa kerajaan yang berkaitan untuk menentukan langkah berikutnya.

Tambahnya bahawa tiada rancangan untuk menurup pusat kawasan BMW di Singapura dan tidak juga mengurangkan bilangan pekerja tempatan BMW, kerana masih terdapat perkhidmatan pusat kawasan beroperasi dari Singapura.

Pada peringkat ini, BMW berkata adalah terlalu awal untuk mengumumkan butiran selanjutnya mengenai rancangan BMW di Malaysia.

Di dalam kenyataan itu hari ini, Tractors berkata ia mengalu-alukan langkah BMW untuk memilih Malaysia sebagai pusat kawasannya bagi operasinya di Asia.

Auto Bavaria Sdn Bhd yang mengimport kereta BMW ke Malaysia adalah satu bahagian di dalam Tractors Malaysia Sdn Bhd. -- BERNAMA

FAY/NN SD OS